

>>>

BERITA UTAMA

- 3 KDYMM BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ

5



BERANGKAT KE MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-40

11

INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara Bagi Tahun 2024

Bagi Bulan
Februari
32
Orang



Berkenan Berangkat ke Majlis Khatam Al-Qur'an 40 Kali

6

Kongsi Rancangan Strategik KHEU 2020-2024

7

Malam Munajat Semarakkan Malam Nisfu Syaaban

8

Klinik Undang-Undang Syariah 'Ri'ayah Warga Emas'

9

Projek Fathul Barakah 5.0

10

Pendidikan Ugama Mustahak Dititikberatkan

11

FEBRUARI
Rejab/Syaaban
1445H

2024 M
Bil 2 • Tahun 36



www.kheu.gov.bn



pdi@mora.gov.bn



2383996 smb: 241/242



2384008/2381293

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman, *Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah*

PENOLONG PENASIHAT:

Hajah Zunainah binti Haji Gunong, *Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah*

KETUA PENERBIT: Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, *Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan*

PENOLONG KETUA PENERBIT:

Qairunnisa binti Haji Jalil, *Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan*

PENYELARAS: Suriati binti Haji Ali Hussin

KUMPULAN TENAGA KERJA: Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim

• Mohamad Zelihan bin Ahad

• Dahlan bin Chuchu

Rokiah binti Haji Mohamad Serudin

• Azizah binti Hidup

• Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani

PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:

Mohamad Zelihan bin Ahad

PEMBAHAGI MAJALAH:

Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin

• Nurul Nabilah binti Masri

GAMBAR:

Kementerian Hal Ehwal Ugama

• Pusat Da'wah Islamiah

• Jabatan Penerangan

DOA AGAR TERHINDAR DARI MUSIBAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ
فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاوَاتِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

ERTINYA:

Dengan Nama Allah yang dengan nama-Nya tidak ada satu pun yang dapat memberi kemudharatan di bumi maupun di langit, Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Lidah Pengarang

JADIKAN PERUBAHAN YANG POSITIF

Pada bulan ini kita meraikan dua sambutan yang bermakna bagi kita semua iaitu Sambutan Peristiwa Isra' dan Mi'raj dan Sambutan 40 tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Isra' dan Mi'raj ialah peristiwa perjalanan Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam dari Masjidilharam di Mekah ke Masjidilqaisha di Palestin dan telah dinaikkan ke langit menuju Sidratulmuntaha. Semasa peristiwa tersebut baginda telah menyaksikan tanda-tanda dan kekuasaan Allah Subhanahu wa Ta'alaa. Dari peristiwa Isra' dan Mi'raj tersebut kita mengambil iktibar daripadanya dan boleh membawa kita kepada perubahan yang positif.

Pada tahun ini juga negara kita telah mengecapi 40 tahun kemerdekaan yang seharusnya kita syukuri dan hayati. Pencapaian kemerdekaan dapat dirasakan oleh seluruh rakyat dan penduduk negara ini melalui keamanan, kemakmuran dan kestabilan politik yang telah lama dinikmati. Maka kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini adalah bertanggungjawab untuk menjaga dan mengekalkan keamanan tersebut.

Bebaskanlah minda kita dari jajahan hawa nafsu dan janganlah kita melanggar segala suruhan Allah Subhanahu wa Ta'alaa. Sama-sama kita mensyukuri nikmat yang dianugerahkan ini dan merdekakan minda dan jiwa kita dari terus dipengaruhi oleh anasir luar yang negatif. Laksanakanlah segala perintah Allah Subhanahu wa Ta'alaa dan tinggalkanlah segala larangan-Nya, *In sya Allah hidup kita akan selamat di dunia dan akhirat serta negara akan kekal aman sejahtera dan mendapat berkat di bawah pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu wa Ta'alaa.*

Selamat Hari Kebangsaan Ke-40 Tahun

KDYMM BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara bagi Tahun 1445 Hijrah.

BERAKAS, Khamis, 27 Rejab bersamaan 8 Februari

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara bagi Tahun 1445 Hijrah yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Yussof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd Hanifah; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid selaku Pengurus Unified National Networks (UNN); serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara bagi Tahun 1445 Hijrah yang membawa tema 'Sembahyang Tiang Ugama' itu dimulakan dengan bacaan al-Qur'an dengan format Zainul Qur'an, ayat 1-2 surah al-Mu'minun oleh tiga orang adik-beradik.

➤4
m.s.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika memberikan ucapan di majlis tersebut.



MAJLIS diserikan dengan Persembahan Selawat An-Nur oleh gabungan para pegawai dan kakitangan JPM, KKBS dan UNN.

m.s. 3 Mereka ialah Pengiran Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki, naib johan qari Musabaqah Tilawah al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur Malaysia Tahun 2016 dan 2017 dan lapan kali mendapat johan qari Musabaqah Membaca al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan; Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki, johan qari Musabaqah Membaca al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi dan pernah mewakili Musabaqah Tilawah al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuwait serta mewakili Musabaqah Membaca al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Jakarta dan; Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki, johan qariah Musabaqah Membaca al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 2021 Masihi serta johan qariah Musabaqah Tilawah al-Qur'an Peringkat Belia Asia Tenggara Tahun 2020.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam ucapannya menyembahyang bahawa penganjuran Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara tahun ini adalah bekerjasama dengan JPM, Kementerian

Daripada tema itulah sembah Yang Berhormat, aspek-aspek sekitar ibadat sembahyang akan diperkatakan seperti mustahaknya ia ditunaikan dengan khusuk sebagai usaha menjadi orang-orang beriman yang berjaya antaranya ialah yang khusuk sembahyangnya. Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah.

Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Syarikat UNN.

"Kerjasama yang diaturkan sedemikian yang melibatkan sektor-sektor kerajaan dan swasta secara bergilir adalah tanda dukungan padu oleh semua unsur dalam negara terhadap dasar Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik mensyorkan Islam - ugama rasmi - dengan mem'promote' ajaran-ajarannya tanpa menjelaskan ugama-ugama lain diamalkan secara aman oleh pengikut-penganutnya - sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlombagaan Negara.

"Dalam hubungan itulah kita konsisten menyambut hari-hari bersejarah Islam seperti yang ditandai dalam kalendar kebangsaan kita, sesuai dengan dasar mensyorkan Islam dan mem'promote' ajaran-ajarannya itu," sembah Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, dalam peristiwa Allah mengisra' dan mem'rajkan junjungan kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam kita pilih aspek solat atau sembahyang yang difatkat sebagai tiang ugama yang difardhukan oleh Allah Subhanahu wa Ta'alā dalam peristiwa yang sangat menakjubkan itu.



PARA jemputan khas yang hadir di majlis tersebut.

BERANGKAT KE MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-40

Oleh : Mohamad Zeliyan Ahad



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Syaaban bersamaan

22 Februari - Bersempena dengan sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) yang Ke-40, telah diadakan Majlis Doa Kesukuran, Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Berangkat menyertai para jemaah ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Juga berangkat ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Terdahulu, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta paduka-paduka anakanda baginda dijunung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohammad,

selaku Pengurus Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK Ke-40, Tahun 2024; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri

Setelah itu, Kebawah DYMM bersama para jemaah membaca surah Yaa Siin beramai-ramai dan juga Doa Kesukuran yang dikepalai oleh Yang Berhormat Pehin.

Sebelum berangkat meninggalkan Majlis, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah yang hadir.



SEBAHAGIAN daripada para jemaah yang hadir.

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS KHATAM AL-QUR'AN 40 KALI

Oleh : Dahlan Chuchu



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Qur'an 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40.

KIARONG, Isnin, 16 Syaaban bersamaan 26 Februari

- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Qur'an 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 di Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.

Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berserta kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di JPM dan Menteri

mahasiswa UNISSA. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Majlis Khatam al-Qur'an 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, diadakan serentak di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Belait, majlis seumpamanya diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampong Pandan. Manakala di Daerah Tutong pula, majlis telah diadakan di Masjid RPN Bukit Beruang. Sementara di Daerah Temburong bertempat di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Majlis ini melibatkan lebih 1,650 peserta di keempat-empat daerah yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswa institusi pengajian tinggi, penuntut-penuntut Institusi Pendidikan Teknik Brunei (IBTE), penuntut-penuntut sekolah menengah, sekolah agama, ahli-ahli persatuan belia dan sukan serta pergerakan-pergerakan belia, Pelatih Pusat Pembangunan Belia, sukarelawan-sukarelawan, belia-belia masjid serta qari dan qariah.

Majlis diadakan dengan tujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat terutama dengan pembacaan al-Qur'an selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir. ■

KONGSI RANCANGAN STRATEGIK KHEU 2020-2024

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



MENTERI Hal Ehwal Ugama ketika memberi penerangan semasa Perjumpaan Muhibah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Syaaban bersamaan 12 Februari

- Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berharap agar isu-isu yang dibincangkan semasa Perjumpaan Muhibah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 2024 akan dapat memberikan rumusan ke hadapan.

Menurut Yang Berhormat, terutama mengenai tiga isu iaitu Produk-produk Import yang Diragui Kehalalannya; Hal Ehwal berkaitan Zakat, Wakaf dan Baitulmal; dan Memperkasa Pendidikan Ugama / Sekolah Arab. Perjumpaan Muhibah tersebut diadakan di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan KHEU.

Sementara itu, Ketua Rombongan Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam dalam ucapannya menghargai segala perkongsian maklumat daripada KHEU berupa perancangan KHEU, pencapaian, perkembangan dan kemajuan yang dicapai serta cabaran yang dihadapi.

Perkongsian tersebut jelas Yang Berhormat, tidak lain adalah untuk sama-sama meraikan kemajuannya dan penambahbaikannya bagi mempertingkatkan kualiti dan kecekapan serta keberkesanannya dan perkhidmatan yang disediakan dan menjadikannya antara perkhidmatan terbaik yang memberikan manfaat kepada semua pihak khususnya umat Islam di negara ini.

Pada perjumpaan tersebut, taklimat

disampaikan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim yang antara lain mengongsikan mengenai Rancangan Strategik KHEU 2020-2024 sebagai panduan dalam merancang dan melaksanakan inisiatif-inisiatif perkhidmatan agama serta sebagai pengukur kepada pencapaian pada peringkat antarabangsa, khususnya dalam platform MABIMS.

Selain itu, KHEU juga mengambil langkah strategik dengan mengoptimumkan sumber tenaga manusia melalui penyelarasan struktur organisasi kementerian dalam memastikan pelaksanaan perkhidmatan agama akan lebih teratur dan terarah.

Atur cara diteruskan dengan sesi dialog antara Ahli-ahli MMN dengan pihak KHEU yang memfokuskan kepada isu-isu yang ditimbulkan semasa Sesi Perbahasan Rang Undang-undang 2023, Perbekalan Tahun Kewangan 2023 / 2024.

Sesi dialog itu dijalankan dalam suasana harmoni yang dapat mengeratkan lagi jalinan ukhuwah antara kedua pihak di samping memberikan inspirasi yang bermanfaat kepada KHEU dan Ahli-ahli MMN, terutamanya mengenai Rancangan Strategik KHEU yang telah, sedang dan akan dilaksanakan bagi mencapai visi KHEU secara berstruktur dan berhemah serta meningkatkan lagi mutu perkhidmatan agama di Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu, sebelum Perjumpaan Muhibah dimulakan, Ahli-ahli MMN berpeluang mengadakan lawatan ke Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal dengan tujuan untuk mengetahui dan menyaksikan secara dekat mengenai proses dan perkhidmatan yang dikendalikan oleh jabatan berkenaan.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh; serta ketua-ketua jabatan dan bahagian di bawah kementerian berkenaan. ■

MALAM MUNAJAT SEMARAKKAN MALAM NISFU SYAABAN

Oleh : Azizah Hidup



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan para jemputan yang lain hadir di Majlis Malam Munajat Kali Ke-126 bersempena Nisfu Syaaban.

MENTIRI, Sabtu, 15 Syaaban bersamaan 24 Februari - Dengan bertepatan malam Nisfu Syaaban yang jatuh pada 15 Syaaban 1445 Hijrah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Malam Munajat Kali Ke-126 bersempena Nisfu Syaaban.

Majlis dianjurkan dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid Hassanal Bolkiah, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampong Mentiri dengan tumpuan utama di Masjid Hassanal Bolkiah, RPN Kampong Mentiri.

Nisfu adalah perkataan Arab yang membawakan maksud 'pertengahan'. Malam Nisfu Syaaban merupakan salah satu yang terdapat pada Nisfu Syaaban, di mana umat Islam adalah digalakkan untuk menghidupkannya dengan memperbanyak amal ibadah dan zikir untuk mendapatkan rahmat dan keredaan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Majlis Malam Munajat bersempena Nisfu Syaaban diadakan secara fizikal yang dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Faatihah dipimpin oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah

Dato Paduka Haji Awang Othman.

Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan surah Yaa Siin sebanyak tiga kali dengan memohon ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala agar dipanjangkan umur dengan beramal ibadat kepada-Nya, memohon agar dijauhkan daripada bala bencana serta memohon agar dimurahkan rezeki yang halal lagi berkah.

Bacaan surah Yaa Siin pertama dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Awang Irma Mohammad Hazmie bin Haji Matussin.

Diikuti dengan bacaan surah Yaa Siin kedua dipimpin oleh siswa Tahun 3, ITQSHHB, Awang Muhammad



SEBAHAGIAN para Jemaah perempuan

Azib bin Muhammad Azim. Disusuli dengan bacaan surah Yaa Siin ketiga dipimpin oleh pelajar menengah Tahun 11, ITQSHHB, Awang Ahmad Darwish bin Hamdan.

Seterusnya, Doa Munajat dan Nisfu Syaaban dibacakan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dan diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Mohd. Sallehin bin Pengiran Haji Tejuddin.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta para pegawai dijauhkan daripada bala bencana kanan KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Penyertaan daripada Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah Masjid Hassanal Bolkiah, RPN Kampong Mentiri dan dari masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara juga telah menyemarakkan Majlis Malam Munajat bersempena dengan Malam Nisfu Syaaban. ■

KLINIK UNDANG-UNDANG SYARIAH 'RI'AYAH WARGA EMAS'

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



HADIR selaku tetamu kehormat pada klinik berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

BERAKAS, Khamis, 20 Rejab bersamaan I Februari -

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Perundungan Islam, meneruskan lagi Klinik Undang-undang Syariah yang bertemakan 'Ri'ayah Warga Emas' bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) bertempat di Dewan Serbaguna, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jalan Airport Lama, Berakas.

Klinik Undang-undang Syariah pada hari ini adalah sebagai penutup bagi Klinik Undang-undang Syariah yang diadakan sebelum ini di Daerah Tutong, Temburong dan Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat pada klinik berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Klinik dikendalikan oleh tenaga penasihat daripada pelbagai agensi kerajaan, iaitu Jabatan Pembangunan Jawatankuasa Kerja Klinik Undang-undang Syariah 'Ri'ayah Warga Emas' yang antara lain menerangkan mengenai undang-undang dalam

keluarga Islam, undang-undang jenayah syariah serta pengurusan harta dalam Islam.

Terdahulu dalam ucapannya, Awang Haji Hardifadhillah berkata, Klinik Undang-undang Syariah 'Ri'ayah Warga Emas' berkenaan diharapkan akan dapat menjadi platform untuk membantu golongan warga emas memahami hak dan tanggungjawab mereka serta perlindungan yang diberikan terhadap mereka di bawah undang-undang.

Selain itu tambahnya, klinik berkenaan juga dihasratkan menjadi langkah yang efektif dalam mengumpulkan isu atau permasalahan yang dihadapi oleh warga emas di negara ini.

"Dengan pengumpulan data-data tersebut, *in syaa Allah* akan dapat membantu jabatan kami dalam mengenal pasti sama ada dasar atau perundungan syariah yang sedia ada di negara ini memadai atau perlu kepada pindaan ataupun penambahan suatu yang baharu supaya kesejahteraan warga emas 'kitani' terjaga dan dapat terhindar daripada unsur-unsur pengabaian, penderaan, penganiayaan dan seumpamanya," ujarnya. ■



'SEMBANG Undang-undang Syariah' oleh Pengarah Perundungan Islam, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

PROJEK FATHUL BARAKAH 5.0

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



BERAKAS, Sabtu, 7 Syaaban bersamaan 17 Februari

Daerah Temburong.
Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baru Negara Brunei Darussalam menganjurkan Projek Fathul Barakah 5.0 bersempena dengan kedatangan bulan Ramadhan 1445 Hijrah.

Projek berkenaan bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai memberikan infaq jariah berupa makanan asasi kepada asnaf muallaf yang memerlukan.

Turut hadir menyertai projek berkenaan, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Projek Fathul Barakah 5.0 diadakan secara serentak di keempat-empat daerah, iaitu Bangunan Darul Huda PDI; Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait; Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong; dan Pejabat Unit Da'wah

Projek berkenaan berjalan selama dua hari bermula hari Ahad, 18 Februari 2024, mulai jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang secara pandu lalu.

Projek berkenaan adalah sebagai satu sarana dakwah dalam memeduli kesejahteraan asnaf muallaf bagi menjamin kehidupan yang lebih baik.



Selain itu, ia juga bertujuan untuk meringankan beban saudara-saudara baru dalam membuat persiapan bagi menyambut kedatangan bulan Ramadhan yang akan tiba.

Antara sumbangan yang diterima termasuk beras, gula, minyak masak, tepung, udang atau pusu kering, bawang, biskut, makanan dalam tin dan barang keperluan asasi yang bersesuaian.



Majlis Pengislamahan
FEBRUARI 2024

... رَبَّنَا إِمَّا فَكَبَّبَنَا مَعَ الشَّهِيدِينَ ﴿٦٢﴾

Mafhumnya:

..Ya Tuhan kami! Kami telah beriman, oleh itu tetapkanlah kami bersama orang-orang yang menjadi saksi (atas kebenaran al-Qur'an dan kenabian Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam).

Surah al Maa'idah ayat 83



STATISTIK PENGISLAMAN

Keramalan Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2024



Bagi Bulan
Februari
32
Orang

Jumlah
Keseluruhan
JAN-FEB 2024
57 Orang

Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.

PENDIDIKAN UGAMA MUSTAHAK DITITIKBERATKAN

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara Tahun 1445H/2024M.

BERAKAS, Khamis, 27 Rejab bersamaan 8 Februari – Orang-orang yang sentiasa memelihara sembahyang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu wa Ta'alā akan memperoleh ni'mat kebahagiaan dan keuntungan.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'alā dalam surah al-Mu'minun, ayat 9 hingga 11 tafsirnya: "Dan orang-orang yang tetap memelihara sembahyang, mereka itulah pewaris-pewaris yang akan mewarisi syurga Firdaus. Mereka kekal di dalamnya."

Maka, untuk menjadi pewaris-pewaris tersebut, pendidikan ugama amat mustahak untuk sentiasa dititikberatkan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan

Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan perkara demikian pada Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara Tahun 1445H/2024M yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Penekanan secara amali atau praktikal ilmu ugama titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, seperti cara berwudhu', perbuatan dan bacaan-bacaan dalam sembahyang masih sahaja perlu untuk terus diperkasa, bukan sahaja di peringkat sekolah rendah, malah juga di peringkat yang lebih tinggi.

"Kerana ibadat sembahyang mempunyai rukun-rukunnya yang perlu dipelajari dan dihalusi, selaku ibadat utama.

"Kita sama-sama memahami bahawa sembahyang itu wajib ditunaikan tanpa mengira keadaan fizikal seseorang, sama ada dia berupaya atau orang kurang upaya (OKU), sihat ataupun sakit dan seumpamanya, selagi akal masih waras," jelas titah baginda.

Baginda seterusnya bertitah menegaskan pihak-pihak agensi yang berkenaan perlu sekali mengadakan pelbagai program pengukuhan ugama di tempat-tempat yang sesuai termasuk masjid dan seumpamanya.

"Beta amat gembira dengan usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama melibatkan pelbagai agensi dan badan-badan persatuan termasuk kalangan belia bagi sama-sama

menyemarakkan lagi suasana keilmuan dan peribadatan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat termasuk dalam bangunan-bangunan kementerian atau jabatan.

"Beta melihat satu contoh pengisian yang bagus ialah 'Program Munajat' yang diisikan dengan bacaan surah-surah pilihan, zikir-zikir, doa dan tazkirah, yang sehingga kini masih terus dilaksanakan, yang pada hemat beta program tersebut boleh diperkasakan lagi," tambah baginda lagi.

Justeru itu, Kebawah DYMM bertitah menekankan supaya pihak-pihak berkenaan akan sama-sama memastikan bahawa program pendidikan adalah benar-benar terarah dan terlaksana dengan sebaik-baiknya tanpa mengabaikan kemudahan pendidikan bagi OKU.

"In sya Allah, dengan cara demikian, bangsa dan negara ini akan beroleh berkat dan pemeliharaan Allah Subhanahu wa Ta'alā," ujar baginda lagi.

Terdahulu, baginda berasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'alā kerana dengan limpah rahmat-Nya juga dapat berkumpul bagi meraikan dan memperingati peristiwa Isra' dan Mi'raj Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam.

Baginda menyambut baik tema sambutan pada tahun ini, iaitu 'Sembahyang Tiang Ugama'.